

U B681 DEB

MAHATHIR - PERUTUSAN 1985

KUALA LUMPUR, 6 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA UMAT ISLAM DI ZAMAN KINI TERDEDIAH KEPADA MASALAH PERPECAHAN BERPUNCA DARIPADA WUJUDNYA SEGOLONGAN MASYARAKAT ISLAM YANG BERTINDAK SECARA MELULU DAN EMOSIONAL.

+ TINDAK-TANDUK MEREKA TELAH MENIMBULKAN BERBAGAI-BAGAI KESAN NEGATIF TERHADAP PERPADUAN UMMAH,+ KATANYA DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN KE-27 DAN MEGHAFAZ KE-5 PERINGKAT KEBANGSAAN YANG SEDANG BERLANGSUNG DI PUSAT ISLAM DI SINI.

MENURUT PERDANA MENTERI, TERDAPAT JUGA SEGOLONGAN UMAT ISLAM YANG BERSIKAP LEBIH SUKA MENYALAHKAN ORANG LAIN SAHAJA TETAPI MELUPAI DAN TIDAK MENYEDARI KESALAHAN DIRI SENDIRI.

+ SEDANGKAN AJARAN ISLAM BERKEHENDAKKAN SETIAP UMATNYA SUPAYA SENTIASA BERUSAHA MENGUKUHKAN PERPADUAN DENGAN MENGAMALKAN SIKAP POSITIF SERTA MENGHINDARKAN SEBARANG PERKARA YANG BOLEH MENIMBULKAN UNSUR-UNSUR PERPECAHAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA HANYA PERPADUAN YANG KUKUH SAHAJA AKAN MENJADI BENTENG KETAHANAN UMMAH DAN MENJAMIN KEBAHAGIAAN HIDUP DI DUNIA DAN AKHIRAT. -- LAGI

1132MST 06 05 85

D257

U B683 DEB

MAHATHIR - PERUTUSAN 2 KUALA LUMPUR

+ USAHA-USAHA KE ARAH MEMUPUK PERPADUAN UMMAH MEMERLUKAN KESEDIAAN DAN PENGLIBATAN SELURUH UMAT ISLAM.+

+ GOLONGAN YANG BERKEWIBAWAAN DI DALAM BIDANG ISLAM PERLU BEKERJASAMA DAN MEMBERIKAN PANDANGAN YANG POSITIF DENGAN MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN DAN PERKEMBANGAN PERSEKITARAN YANG BERLAKU.+

DISAMPING ITU, PERDANA MENTERI MAHUKAN SETIAP LAPISAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGARA INI MEMANDANG SERIUS SOAL PERPECAHAN UMAT YANG DIHADAPI.

+ KITA SEMUA PERLU MERENUNG DAN BERFIKIR SECARA LEBIH LUAS DAN JAUH BAHAWA BAHAYA PERPECAHAN UMAT AKAN MENJEJASKAN KEHARMONIAN HIDUP YANG KITA SEDANG NIKMATI,+ KATANYA.

MENGENAI TEMA MUSABAQAH KALI INI +PERPADUAN ASAS KEUTUHAN UMMAH+, PERDANA MENTERI BERKATA IA MELAMBANGKAN PENTINGNYA PERPADUAN BAGI KEMAJUAN JASMANI DAN ROHANI SERTA KEJAYAAN DI KALANGAN UMMAH.

-- BERNAMA